# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

# PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

**DIKEMASKINI 23 JULAI 2021**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| 1. | **LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** | ***A. Laporan Kematian***<br><br>➢ Pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) **DIWAJIBKAN** untuk melaporkan sebarang kematian di Rumah Persendirian / Rumah Panjang / Kampung kepada Balai Polis / Pejabat Daerah. |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

## PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

**DIKEMASKINI 23 JULAI 2021**

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| | **LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** | ***B. Kehadiran***<br><br>**a) Kehadiran ke Upacara Pengkebumian (termasuk Upacara Pra dan Pasca Pengkebumian) adalah untuk keluarga terdekat sahaja.**<br><br>**b) Upacara Pra Dan Pasca Pengkebumian seperti *Funeral Wake*, *Ngetas Ulit*, dll.**<br><br>➢ Jumlah kehadiran dihadkan kepada **30 orang sahaja pada satu-satu masa** tertakluk kepada saiz ruang rumah [rumah persendirian, rumah panjang atau rumah pengkebumian (*Funeral Parlour*)] selepas mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter.<br><br>**c) Upacara Pengkebumian di Tapak Perkuburan**<br><br>➢ Jumlah kehadiran dihadkan kepada **30 orang sahaja** terdiri daripada pemberi perkhidmatan pengkebumian dan ahli keluarga terdekat sahaja. |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

## PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

DIKEMASKINI
23 JULAI 2021

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| | **LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** | **C. *Larangan***<br><br>a) Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah, golongan yang belum divaksin serta golongan yang berisiko tinggi adalah **tidak digalakkan** untuk menghadiri sebarang Upacara Pengkebumian.<br><br>b) Mana-mana individu yang mempunyai gejala demam, batuk, selesema atau mempunyai suhu melebihi 37.5°C adalah **dilarang** menghadiri mana-mana Upacara Pengkebumian.<br><br>c) Berkongsi peralatan makan dan minum seperti gelas, pinggan, mangkuk, sudu, garpu dan lain-lain adalah **tidak dibenarkan**. Makanan Diagihkan secara "*Packed Food*".<br><br>d) Aktiviti judi seperti holo, daun terup dan lain-lain judi adalah **tidak dibenarkan**. |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

## PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

**DIKEMASKINI 23 JULAI 2021**

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| 2. | **KAWALAN DAN PENGESANAN** | ***A. Kuasa dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK)***<br>a) Pihak JKKK diberi kuasa untuk :<br>i. Memastikan pelaksanaan pematuhan SOP di Kampung dan di Rumah Panjang<br>ii. Mengawal aktiviti keluar/masuk orang ramai ke dalam kampung dan rumah panjang<br>iii. Mengambil tindakan keselamatan yang lain untuk mengekang penularan pandemic COVID-19 sekiranya perlu<br>b) Menyediakan buku kehadiran dan kod QR untuk diimbas menggunakan aplikasi MySejahtera. |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

## PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

**DIKEMASKINI**
**23 JULAI 2021**

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| | **KAWALAN DAN PENGESANAN** | c) Membuka hanya satu pintu untuk masuk dan satu lagi untuk keluar. Tanda arah mesti disediakan<br><br>d) Membuka kaunter pendaftaran di pintu masuk untuk:<br><br>i. membuat pemeriksaan suhu badan keatas semua hadirin.<br><br>ii. memastikan semua hadirin menggunakan pelitup separuh muka.<br><br>iii. mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitiser*.<br><br>iv. memastikan setiap hadirin mencatat kehadiran masing-masing. |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
## MAJLIS ADAT ISTIADAT SARAWAK (MAIS)

## PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN UPACARA PENGKEBUMIAN

**DIKEMASKINI 23 JULAI 2021**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| NO | AKTIVITI | FASA 2 |
|---|---|---|
| | **KAWALAN DAN PENGESANAN** | ***B. Panduan Untuk Hadirin***<br><br>a) Menggunakan pelitup separuh muka sepanjang masa.<br><br>b) Digalakkan untuk kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau '*hand sanitiser*'.<br><br>c) Tidak bersalaman atau bersentuhan di antara satu sama lain.<br><br>d) Mengisi jadual kehadiran sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera ataupun melalui buku kehadiran yang disediakan.<br><br>e) Mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat).<br><br>f) Tidak berkongsi peralatan makan dan minum terutama sekali gelas minuman. |